

Pada 11 dan 12 Februari 2009 lalu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pejabat Perhubungan Alumni, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Selangor Darul Ehsan.

Lawatan yang diselenggarakan oleh Unit Alumni JHEPA ini bertujuan untuk menambahkan sistem tadbir urus pembangunan alumni di UniMAP. Seramai 5 orang wakil JHEPA UniMAP yang mengikuti lawatan kerja ini termasuklah Presiden Persatuan Alumni UniMAP 2008/09, En. Sarudin Rohseli. Pelbagai infomasi dan perspektif dari universiti masing-masing diperolehi dan dikongsi bersama. Di antaranya meliputi aspek aktiviti alumni, sistem maklumat alumni (ICT), pergerakan alumni dan kewangan. Kehadiran wakil-wakil UniMAP ini disambut baik oleh kedua-dua universiti tersebut iaitu Pengarah Pusat Alumni UPM, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim dan Prof. Madya Dr. Ramli Omar selaku Pengarah, Pejabat Perhubungan Alumni U.K.M.

Bersempena dengan lawatan ini juga, Unit Alumni juga mengatur pertemuan serta makan malam bersama 2 orang alumni UniMAP yang mewakili zon tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya). Alumni-Alumni ini adalah En. Muhammad Nafaiz B. Rosli (Alumni 2006) yang kini menjawat jawatan Test Product Engineer di Freescale Semiconductor (M) Sdn. Bhd. (Syarikat MNC). Manakala seorang lagi adalah En. Rezaini B. Ahmad Tasman (Alumni 2007), jurutera di Texas Instrument (Syarikat USA MNC). Hasil perbincangan bersama wakil alumni ini, beberapa cadangan serta pandangan disalurkan. Antaranya cadangan aktiviti perjumpaan (gathering), 'reunion' atau 'homecoming' diadakan pada cuti umum atau hari minggu, hebahan sekurang-kurangnya sebulan awal dan berlokasikan di sekitar Lembah Klang diperingkat permulaan agar sambutan memberangsangkan. Wakil alumni itu juga bersetuju untuk bersama-sama membantu ahli jawatankuasa persatuan alumni lain menganjurkan pelbagai program di masa akan datang.

Titik tolak hasil lawatan tersebut, beberapa aktiviti telah dikenalpasti akan dirancang bakal mengisi takwim 2009 bagi Unit Alumni dan Persatuan Alumni UniMAP. UniMAP juga menerima ucapan syabas daripada UPM dan UKM kerana sungguhpun UniMAP sebuah universiti baru, sudah pun memikirkan hala tuju memikirkan hala tuju dan pembangunan alumni di masa depan.

Lawatan Kerja

Staf JHEPA UniMAP ke Pusat Alumni, UPM & Pejabat Perhubungan Alumni, UKM

Oleh: Mohd Hafizi Zalmi

